



LAPORAN LIPUTAN MEDIA RABU / 11 APRIL 2018

- 1. Q'FISH JAMIN TAK JEJAS NELAYAN**
 - SINAR HARIAN

- 2. MUSIM 'MENUAI' SOTONG**
 - KOSMO

- 3. DUA LAGI NELAYAN MALAYSIA DI INDONESIA DIBEBASKAN**
 - UTUSAN MALAYSIA

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 11 APRIL 2018 (RABU)
PERKARA : PERIKANAN

Q'Fish jamin tak jejas nelayan



Produk Ikan Segar Beku Q'Fish dijual di pasar-pasar sentuhan rakyat seluruh negeri.

KUALA TERENGANU - Produk Ikan Segar Beku Q'Fish yang diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dijamin tidak menjejaskan dan memberi keseimbangan kepada nelayan dan peniaga ikan di negeri ini.

Ia berikutan produk tersebut dilihat dijual di pasar-pasar sentuhan rakyat yang kini menjelajah di setiap daerah.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (Penentu), Mat

Yassim Mohamed mengakui permintaan tinggi ikan sejuk beku itu sebelum ini akibat kekurangan bekalan dan harga ikan segar agak tinggi.

"Namun kini, sumber protein ini semakin banyak, malah harga ikan segar juga sudah mula stabil. Antaranya, ikan kembung kini RM15 sekilogram berbanding sebelum ini mencecah RM18 sekilogram.

"Jadi permintaan terhadap ikan

segar tidak terjejas. Produk ini dilihat di pasar-pasar sentuhan rakyat sebagai memperkenalkan ikan sejuk beku itu kepada orang ramai," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, Q'Fish merupakan satu penjenamaan semula menggantikan Program Ikan Rakyat yang mula diperkenalkan pada tahun 2013.

Menurutnya, melalui program ini, menawarkan pembeli pelbagai pilihan ikan.

Musim 'menuai' sotong

■ **Pemilik sewakan bot raih pendapatan lumayan hingga RM30,000 sebulan**

Ahmad Rabih Zukifli
 news@nstp.com.my

Kuala Terengganu

Musim sotong yang bermula sejak Mac memberi hasil lumayan kepada nelayan termasuk pemilik bot nelayan di negeri ini.

Seorang pemilik bot kelas A dari Kampung Seberang Bukit Tumbuh meraih pendapatan hingga RM30,000 sebulan hasil sewaan bot nelayannya.

Abdillah Abg Rashid, 55, berkata, dia meraih pendapatan lumayan pada setiap tahun ketika musim sotong.

"Musim sotong bermula Mac hingga Julai memang dinanti-nantikan nelayan kerana sepanjang musim itu kami akan memperoleh pendapatan lumayan.

"Bukan saja hasil menjual sotong yang dicandat malah pemilik bot juga memperoleh pendapatan hasil menawarkan perkhidmatan



PELANGGAN menunjukkan sotong yang berjaya dicandat.

FOTO: AHMAD RABIH ZUKIFLI

negara termasuk Johor dan Perak datang mendapatkan perkhidmatan bot yang ditawarkan itu.

"Biasanya saya membawa 10 hingga 12 pelanggan mencandat pada jam 5 petang dan pulang semula ke pengkalan jam 10 pagi keesokan harinya," katanya.

Tambahnya, setiap sesi mencandat itu biasanya mereka memperoleh 17 hingga 70 kilogram sotong jarum, tupat dan torak.

"Setiap sesi mencandat itu dikenakan sewa RM1,000 semalaman dan saya pastikan pelanggan memperoleh pengalaman menyeronokkan sepanjang mencandat.

"Bukan saja mencandat sotong, pelanggan juga berpeluang memancing ikan kerisi seawal jam 7 pagi sebelum pulang," katanya.

Menurutnya, sebagai pengusaha bot nelayan dia bertanggungjawab memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dalam memastikan tarikan pelancong melalui aktiviti mencandat itu kekal aktif di negeri ini.

Mohd Zaid Muda, 46, dari Kampung Duyong berkata, dia juga memperoleh pendapatan lumayan sepanjang musim sotong.

"Paling kurang saya memperoleh RM100 hingga RM300 sehari hasil menjual sotong yang dicandat.

"Apabila sampai musim sotong, nelayan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap aktiviti mencandat sotong berbanding menangkap ikan," katanya.

Musim sotong bermula Mac hingga Julai memang dinanti-nantikan kerana kami akan dapat pendapatan lumayan
 -Abdillah Abg Rashid



ABDILLAH menyiapkan peralatan mencandat sotong.

menyewa dan membawa pelanggan mencandat di negeri ini," katanya ketika ditemui di Pengkalan Nelayan Seberang Bukit Tumbuh, Kelantan.

Abdillah berkata, dia me-

nawarkan perkhidmatan menyewa bot itu kepada sebagai agensi kerajaan dan syarikat koporat dari seluruh negeri.

"Peminat aktiviti mencandat sotong dari seluruh

Pelikan

Pintas bot bawa 500kg sotong

Pasukan keselamatan mengambil masa 15 minit bagi memintas dan menahan bot kargo nelayan asing membawa 500 kilogram (kg) sotong sejuk beku di perairan Kuala Pahang, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 9.30 malam lalu 29 batu nautika dari Kuala Pahang, di sini, pasukan keselamatan terdiri daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Jabatan Perikanan itu mengarahkan bot berkenaan supaya berhenti namun tidak diendahkan tekong bot.

Pengarah Maritim Malaysia Wilayah Timur, Laksamana Pertama, Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, ia menyebabkan pasukan keselamatan yang melakukan rondaan bersama itu menggunakan bot laju untuk memintas bot kargo berkenaan.

"Selepas memintas dan bot berkenaan berhenti, pemeriksaan dibuat dan menahan 11 awak-awak serta seorang tekong warga Vietnam berusia 19 hingga 52 tahun.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot kargo berkenaan menemui 500 kilogram sotong disejuk beku," katanya di Kuala Pahang di sini, semalam.

Beliau berkata, sotong berkenaan dipercayai dibeli daripada bot nelayan tempatan yang menggunakan kru nelayan warga asing dan urusan niaga dilaksanakan di tengah laut.



AHMAD SHABERY CHEEK (tengah) beramah mesra dengan wakil-wakil Pertubuhan Peladang Kawasan dalam Majlis Penyerahan Bantuan Khas kepada pesawah Kada di Kok Lanas, Kelantan, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Dua lagi nelayan Malaysia di Indonesia dibebaskan

KOTA BHARU 10 April - Dua lagi nelayan Malaysia yang ditahan di Indonesia sejak dua tahun lalu kerana menceroobh perairan negara itu dibebaskan, hasil kesepakatan dicapai pemimpin kedua-dua negara iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Indonesia, Joko Widodo.

Leong Bian Seng, 61, dari Dungun, Terengganu yang ditahan di Pangkalan Pengawasan Sumber Daya Kelautan dan Perikanan (PSDKP) Batam sejak 2016 dibebaskan semalam dan dijangka tiba di tanah air pada malam ini.

Sementara itu, Chia Kee Chan, 52, dari Sekinchan, Selangor yang ditahan di Rumah Tahanan Negara Labuhan Deli, Medan dibebaskan hari ini dan dijangka tiba di tanah air esok.

Mereka merupakan antara enam nelayan Malaysia yang ditahan pihak berkuasa Indonesia sejak dua tahun lalu kerana menceroobh.

Selain Bian Seng dan Kee Chan, seorang lagi nelayan iaitu Low Siang Huat, 59, dari Pulau Ketam, Selangor telah dibebas-

kan pada 15 Februari lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pembebasan itu adalah hasil kesepakatan dicapai Perdana Menteri dengan Presiden Indonesia semasa Rundingan Tahunan Ke-12 Malaysia-Indonesia di Kuching, Sarawak, November lalu.

"Berikutan kesepakatan itu, saya bertemu Duta Indonesia Ke Malaysia, Rusdi Kirana pada 4 Januari di ibu negara dan Menteri Kelautan dan Perikanan Indonesia, Susi Pudjiastuti pada 11 Januari di Jakarta, untuk membincangkan proses terbabit dengan lebih terperinci.

"Kos menguruskan proses pembebasan, dokumentasi, perjalanan dan perbelanjaan untuk membawa kesemua nelayan pulang ke Malaysia ditanggung sepenuhnya oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis Penyerahan Bantuan Khas kepada pesawah Kada di Dataran Kada, Kok Lanas, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki; Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa serta Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Datuk Md. Alwi Che Ahmad.

Menurut Ahmad Shabery, dengan pembebasan dua nelayan terbabit, terdapat tiga lagi nelayan Malaysia yang masih berada dalam tahanan pihak berkuasa Indonesia.

Mereka ialah Kamaruzaman Awi, 47, dari Dungun dan Abdul Rashid Nik, 53, dari Kuantan yang masih ditahan di Penjara Lapas Perumahan Tanjung Pinang Batu 18, Kepulauan Riau serta Mahabob Hasimat, 55, dari Pontian yang ditahan di Rumah Tahanan Negara Tanjung Pinang.

"Pihak kementerian dan Kedutaan Malaysia di Indonesia akan terus membuat langkah susulan proses pembebasan nelayan-nelayan berkenaan bagi membolehkan mereka segera pulang ke pangkuan keluarga masing-masing dengan selamat," katanya.